



JABATAN BURUH

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SABTU, 14 JANUARI 2017 / 16 RABIULAKHIR 1438

PROSES BARU LESEN PEKERJA ASING (LPA)

Lesen Pekerja Asing (LPA) merupakan proses baru yang diperkenalkan di Jabatan Buruh, iaitu bagi **permohonan untuk mendapatkan kebenaran mendatangkan pekerja asing untuk berkhidmat di syarikat-syarikat sektor swasta di negara ini**. Secara ringkasnya, proses ini adalah penggabungan proses Permohonan Lesen Pengambilan Pekerja Asing dan juga Proses Sokongan Pas Kerja menjadi satu proses sahaja. Proses Permohonan Lesen Pekerja Asing (LPA) ini telah mula dilaksanakan pada 1hb Oktober 2016M bersamaan 29 Zulhijjah 1437H.

OBJEKTIF LPA

Adapun objektif pelaksanaan Proses Baru Lesen Pekerja Asing (LPA) ini adalah bertujuan dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan efisien dan memudahkan orang ramai berurusan ke Jabatan Buruh di samping mendokong hasrat negara ke arah persekitaran yang *pro-business*, dan lagi pengawalan pekerja yang lebih teratur dan selamat bagi menjaga kepentingan nasional.

**PENGUTAMAAN
ANAK
TEMPATAN**

EFISIEN

PENGAWALAN

SEIMBANG

Ianya juga bertujuan mengutamakan penduduk-penduduk tempatan dalam pengambilan jawatan-jawatan dalam sector industri yang dipegang oleh pekerja asing yang mana ianya akan diisikan oleh pekerja tempatan secara berperingkat-peringkat menggunakan mekanisme Nisbah Tempatan Asing (NTA).



JABATAN BURUH

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SABTU, 14 JANUARI 2017 / 16 RABIULAKHIR 1438

PERUBAHAN UTAMA PROSES BARU LESEN PEKERJA ASING (LPA)

PROSES

Dua proses menjadi satu iaitu penggabungan Lesen dan Sokongan Pas Kerja

TPOR

41 hari bekerja kepada 9 hari bekerja*

PEMERIKSAAN

Dilakukan 3-6 bulan setelah lesen diluluskan*

KEPERLUAN

Hendaklah memenuhi 3 keperluan sebelum menghadapi permohonan iaitu:

1. *Mandatory Registration* dan pengiklanan jawatan di Job Centre Brunei
2. Pengesahan daripada TAP
3. Kebenaran/Sokongan daripada agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Persatuan yang berkenaan (jika berkenaan)

***BAGI KEGIATAN PEMBINAAN**

- ✓ **TPOR** adalah 18 hari bekerja
- ✓ **Pemeriksaan** sebelum dan selepas lesen dikeluarkan.




JABATAN BURUH

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

SABTU, 14 JANUARI 2017 / 16 RABIULAKHIR 1438

PENCAPAIAN TPOR BAGI PERMOHONAN BARU LESEN PEKERJA ASING (LPA) SEHINGGA 31 DISEMBER 2016



JAMINAN INSURANS TAKAFUL PEKERJA ASING

Sukacita memaklumkan kepada orang ramai bahawa Jaminan Insurans Takaful Pekerja Asing (JITPA) pada masa ini dikeluarkan oleh dua operator insurans iaitu:

Takaful Brunei Am Sendirian Berhad

&

National Insurance Company Berhad